



Ruj. Kami : P.K.N.A.1/9-1 Jld. 7 (48)

Bertarikh : 20 Rabiul Akhir , 1430H

16 April , 2009

Ke Majlis,

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL NEGERI

YB. Dato' /Tuan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2009
TATACARA PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI

Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah bertujuan memaklumkan titah perintah KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan mengenai tatacara perbelanjaan Kerajaan Negeri.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YB/Dato' /Tuan perlu mengemukakan permohonan kebenaran berbelanja kepada Perbendaharaan Negeri untuk dipersembahkan bagi mendapat ampuni perkenan KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan sebelum perbelanjaan boleh dibuat. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah sebagaimana berikut :

- 2.1. Perbelanjaan di bawah Objek Sebagai 28000 – Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli;
- 2.2. Perbelanjaan di bawah Objek Sebagai 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti kecuali bagi bayaran gaji/elaun tetap bulanan
- 2.3. Perbelanjaan di bawah Objek Am 30000 – Sebarang Pembelian Aset;

- 2.4. Perbelanjaan di bawah Objek Sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri kecuali bagi bayaran elaun tetap/bantuan am bulanan
- 2.5. Semua perbelanjaan di bawah peruntukan Pembangunan; dan
- 2.6. Semua perbelanjaan di bawah Kumpulanwang/Akaun Amanah

3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah **berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan**. Dengan ini **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 5 Tahun 2008 dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI SHKORI BIN MOHAMED)

Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan.

C:\sura\pekeliling Bil.5(09).doc

S.k;

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YBM. Setiausaha Sulit Kepada KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan

YBr. Setiausaha Sulit Khas Kepada YAB Tuan Guru
Dato' Menteri Besar Kelantan

YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

YBr. Setiausaha Sulit YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan